

06 APR 2001

SUKAN: 102 PENUNGGANG AKAN SERTAI EKUESTRIAN PIALA PERDANA CABARAN

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Seramai 102 penunggang dan sebanyak 121 ekor kuda akan menyertai 45 kelas pertandingan pada siri Piala Perdana Cabaran yang akan diadakan di Bukit Kiara Equestrian & Country Club Resort, di sini minggu depan.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur pertandingan Abdul Razak Latiff hari ini berkata sebanyak 533 penyertaan untuk pelbagai kelas pertandingan diterima daripada para penunggang itu.

"Pertandingan itu yang diadakan dari 12 hingga 15 April ini menawarkan keseluruhan hadiah wang tunai sebanyak RM70,000," katanya pada persidangan berita di sini.

Beliau berkata jumlah penyertaan pada tahun ini meningkat berbanding 86 penunggang dan 107 ekor kuda pada tahun lepas lepas. Ia akan turut disertai oleh beberapa penunggang kebangsaan, antaranya Eric Koh dan Qabil Ambak.

Katanya tujuan pertandingan ialah untuk berusaha memberi galakan dan pendedahan kepada belia untuk melibatkan diri dalam sukan ekuestrian.

Katanya, kemuncak pertandingan ialah Grand Prix Piala Perdana yang akan diadakan pada 15 April. Pemenang Grand Prix ini layak memenangi hadiah bonus RM20,000 sekiranya turut memenangi pertandingan siri Piala Perdana Akhir yang akan diadakan pada akhir tahun ini.

Beliau juga berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual hadir menyaksikan pertandingan itu pada 15 April.

-- BERNAMA

AZ RV RI